

Special Interest Group (SIG) Kejuruteraan

Perpustakaan UniMAP sentiasa memandangi tinggi keperluan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dan perkongsian sumber antara Perpustakaan yang menawarkan koleksi dalam bidang kejuruteraan. Pada Mei 2007, Ketua Pustakawan UniMAP telah membentangkan kertas kerja cadangan penubuhan **SIG Kejuruteraan** pada mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) yang dihadiri oleh Ketua Pustakawan daripada semua perpustakaan Universiti dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Ekoran daripada pembentangan tersebut, Perpustakaan UniMAP mula mengumpulkan keahlian **SIG Kejuruteraan** melalui surat makluman kepada semua Ketua Pustakawan yang menganggotai PERPUN.

Hasilnya, mesyuarat pertama **SIG Kejuruteraan** telah diadakan pada 27 September 2007 bertempat di Anjung UniMAP. Seramai 15 orang wakil daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP). Ini merupakan sambutan yang amat menggalakkan dan ahli mesyuarat berjaya membincangkan beberapa cadangan projek kerjasama selain penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kecil untuk meningkatkan kecekapan struktur **SIG Kejuruteraan**.

Objektif Penubuhan SIG Kejuruteraan

Penubuhan **SIG Kejuruteraan** bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- ▶ Meningkatkan hubungan kerjasama antara profesional maklumat yang terlibat dalam aspek pembangunan koleksi dan penawaran perkhidmatan untuk komuniti pengguna dalam bidang kejuruteraan
- ▶ Meningkatkan perkongsian sumber maklumat dalam bidang kejuruteraan
- ▶ Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada komuniti pengguna dalam bidang kejuruteraan melalui penambahbaikan program pendidikan pengguna, penerbitan dan perkhidmatan maklumat
- ▶ Meningkatkan penyebaran dan capaian kepada maklumat melalui aplikasi sistem akses secara terbuka dan kemudahan repositori digital

- ▶ Mengukuhkan jaringan kerjasama dengan komuniti akademik dan badan profesional kejuruteraan

Peranan SIG Kejuruteraan

Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, **SIG Kejuruteraan** akan:

- ▶ Mengenal pasti isu, peluang dan inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kemudahan, koleksi dan perkhidmatan kepada para pengguna dalam bidang kejuruteraan
- ▶ Mengenal pasti amalan terbaik melalui perkongsian maklumat, lawatan, latihan penempatan dan program penanda aras (*benchmarking*)
- ▶ Menyalurkan cadangan penambahbaikan kepada PERPUN untuk meningkatkan keseragaman pelaksanaan amalan terbaik
- ▶ Mencadangkan polisi berkaitan elemen perkongsian sumber dan jaringan kerjasama antara ahli perpustakaan
- ▶ Menganjurkan program latihan seperti seminar, bengkel, latihan penempatan dan penyediaan forum komunikasi ke arah meningkatkan profesionalisme kepustakawanan
- ▶ Mengadakan program kerjasama dalam aspek latihan, penerbitan, kajian pelanggan, penanda aras, program penambahbaikan berterusan dan persediaan akreditasi
- ▶ Mengenal pasti keperluan pelanggan melalui aktiviti penyelidikan meliputi kajian tinjauan, pemerhatian dan kumpulan fokus
- ▶ Menghasilkan penerbitan yang berupaya meningkatkan kesedaran pengguna dan meningkatkan kualiti akses kepada koleksi, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan

Struktur SIG Kejuruteraan

SIG Kejuruteraan ditempatkan di bawah naungan Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) dengan pemilihan Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis sebagai urusetia. Empat Jawatankuasa Kecil telah dilantik untuk menjayakan peranan **SIG Kejuruteraan**:

- ▶ Jawatankuasa Kecil Penerbitan
- ▶ Jawatankuasa Kecil Akreditasi
- ▶ Jawatankuasa Kecil Latihan
- ▶ Jawatankuasa Kecil Penyelidikan